

PERSATUAN WANITA UNIVERSITI UNIVERSITI MALAYA



5

SEMINAR WANITA DAN UNDANG-UNDANG

24 - 26 OGOS 1981

KEZALIMAN TERHADAP ISTERI DAN ANAK

oleh

CIK BADARIAH SAHAMID
PENSYARAH
FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYA

SESI TIGA
SELASA 25 OGOS 1981
2.15 - 4.15 PETANG

KEZALIMAN TERHADAP ISTERI DAN ANAK

PENGENALAN

Kita sering membayangkan keluarga sebagai tempat perlindungan dari desakan dan ketegangan dunia luar. Meskipun ini benar di dalam kebanyakan kes, ada juga terdapat kebenaran lain: rumah juga boleh merupakan tempat yang sangat merbahaya lebih-lebih lagi bagi wanita dan kanak-kanak.

Masalah kekejaman terhadap isteri dan kanak-kanak bukanlah sesuatu yang baharu. Apa yang baharu ialah ia baru sahaja mula diakui sebagai masalah sosial yang genting. Keluasan masalah ini tidak diketahui. Banyak kes memukul isteri dan menganiaya anak sukar dikesani. Kebanyakan dari kes yang kelihatan tidak dilaporkan. Dan kes-kes yang dilaporkan tidak semestinya membawa kepada campurtangan resmi.

Kesedaran terhadap masalah ini diperlukan. Oleh itu kertas ini pada dasarnya merupakan suatu pertanyaan: Apakah hak isteri yang dipukul, anak yang dianiaya atau di dalam kata-kata lain, apakah perlindungan undang-undang terhadap isteri-isteri dan anak-anak mangsa pukulan?

MEMUKUL ISTERI

Suatu pukulan dilakukan apabila seseorang dengan sengaja menggunakan kekerasan terhadap orang lain. Apabila seseorang dengan munasabah mengalami kecemasan yang ia akan dipukul, suatu serangan dilakukan.¹ Sebenarnya, perbuatan memukul isteri merupakan tort serangan dan pukulan.

Suatu tort ialah kesalahan sivil dan perbuatannya memberi pihak yang cedera hak untuk mengambil tindakan di mahkamah untuk ganti-rugi atau kerosakan. Tindakan tort berbeza dari tindakan jenayah oleh kerana tindakan boleh diambil oleh individu dan kesannya tidak menghasilkan hukuman. Tindakan tort merupakan pemulihan yang efektif,

¹ Winfield and Jolowicz on Tort, m.s. 31

tetapi jindang-undang telah menafikan hak demikian.

Seksyen 9(2) Ordinan Perempuan Bersuami, 1957² secara khusus memperuntukan:

"Kecuali bagi perlindungan atau keselamatan hartanya, tiada suami atau isteri berhak untuk menuntut satu sama lain bagi suatu tort."

Peruntukan ini menimbulkan suatu keadaan yang aneh: harta benda seorang perempuan yang berkahwin dilindungi oleh undang-undang, tetapi bukan dirinya.

Apakah perlindungan yang diberi oleh undang-undang jenayah kepada isteri yang dipukul suami?

Kecuali bagi kesalahan rogol seorang suami boleh didakwa untuk semua kesalahan yang mengganggu tubuh manusia.³ Ini mungkin melingkungi serangan cedera parah dan pembunuhan. Secara ringkas apa-apa serangan oleh pihak suami yang menyebabkan isteri mengalami apa-apa kecederaan tubuh merupakan kesalahan jenayah. Jika tindakan jenayah diambil si isteri merupakan saksi yang layak terhadap suaminya sendiri.⁴ Itulah teorinya, tetapi apakah keadaannya secara praktis?

Meskipun memukul isteri jelas suatu kesalahan jenayah, walaubagaimanapun budibicara untuk mendakwa adalah terpulang kepada pihak berkuasa (ya itu pihak polis), isteri yang dipukul selebih-lebihnya hanya boleh melaporkan perkara itu kepada pihak polis - dan biasanya perkara itu berakhir di situ. Ada terdapat keengaman oleh pihak polis untuk bercampurtangan di dalam apa yang dianggap "hal rumah tangga." Ini menghasilkan keadaan yang berterusan: memukul isteri tidak dilaporkan dan berleluasa oleh kerana tiada dakwaan berhasil dan dakwaan sukar oleh kerana ketiadaan apa-apa laporan jenayah tersebut.

²No. 36 Kepada 1957.

³Rujuk kepada Bab XVI Kanun Keseksaan.

⁴S. 120(2) Akta Keterangan, 1950 (disemak - 1971).

Oleh kerana isteri yang dipukul suami dilarang mendakwa suami-nya dalam tort dan undang-undang jenayah bersikap apati dalam hal ini, apakah jalan lain yang terbuka kepadanya?

Isteri yang dipukul suami boleh menggunakan kekejaman suami sebagai alasan untuk perceraian.

Seksyen 7(2)(e) Ordinan Cerai 1952,⁵ memperuntukkan yang seorang isteri boleh mengemukakan permintaan kepada mahkamah untuk menamatkan perkahwinannya di atas alasan kekejaman suami terhadapnya. Tetapi, walaupun perceraian berkesan, ia muktamad. Kebanyakan isteri lebih rela meneruskan perkahwinan yang tidak bahagia daripada menamatkannya.

Suatu perintah tegahan (injunction) melarang suami dari memukul isterinya adalah pemulihan yang efektif. Tetapi undang-undang dibentuk di mana isteri dipukul suami hanya boleh menuntut perintah tegahan, jika ia hampir bercerai atau berpisah.

Perintah 29 kepada Peraturan Mahkamah Tinggi memperuntukan yang permohonan untuk perintah tegahan hanya boleh dibuat oleh pihak kepada alasan tindakan sebelum atau selepas perbicaraan suatu perkara. Ini bermakna isteri yang dipukul suami hanya boleh memohon perintah mahkamah jika ia telah memulakan perbicaraan untuk perpisahan secara kehakiman atau perceraian atau telah memohon kepada mahkamah untuk memulakan perbicaraan tersebut.

Akta Pembaharuan Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian, 1976⁶) yang telah diluluskan tetapi masih belum dikuatkuasakan, tidak membuat apa-apa perubahan mengenai perkara ini.

⁵No. 74 kepada 1952.

⁶Akta 164 kepada 1976.

Seksyen 103 Akta tersebut menyatakan:

"Mahkamah diberi kuasa semasa belum selesai sanya pembicaraan hal ehwal perkahwinan semasa atau selepas pemberian dikri perpisahan secara kehakiman atau perceraian atau pembatalan untuk memerintah sesiapa menahan dirinya dari mengganggu suami atau isteri atau dari apa-apa perkosaan."

Memandangkan keadaan undang-undang sekarang seorang isteri yang dipukul suami terpaksa mengambil langkah yang keterlaluan iaitu, memulakan tindakan untuk perpisahan kehakiman atau perceraian sebagai cara untuk memperolehi perintah tegahan untuk menahan suami dari memukulnya. Sekiranya kelakuan suaminya berubah atau isteri masih ingin mengekalkan perkahwinannya, ia boleh menarik balik permintaannya dan perkahwinan boleh diteruskan. Ini adalah suatu langkah yang keras tetapi ia merupakan langkah yang tunggal di bawah undang-undang.

Penutup

Apabila seorang menggunakan kekerasan terhadap orang lain, lantas undang-undang bertindak untuk menghukum pesalah dan melindung mangsanya. Tetapi apabila pesalah itu seorang suami dan mangsanya - siisteri, undang-undang enggan untuk campurtangan. Dasar sistem undang-undang jenayah secara diam-diam tiada membantah kesalahan pukul isteri seperti yang ditunjukkan oleh sikap polis, pendakwa dan aturan-aturan yang menyebabkan pemulihan undang-undang yang ada tidak memadai. Keadaan begini hanya menggalakkan kekerasan disebalik pintu yang bertutup dan kemurnian keluarga.

Isteri yang dipukul suami menggambarkan keadaan yang menyedihkan. Tiada berdaya membela dirinya dari kekerasan suami, sebenarnya ketiadaan perlindungan undang-undang - pilihan-pilihan yang terbuka kepadanya adalah terhad. Sama ada menanggung k - ritaan secara diam-diam atau menggunakan kekejaman suami sebagai alasan perceraian untuk memperolehi perintah tegahan. Undang-undang perlu diubah untuk

membolehkan isteri memperolehi perintah mahkamah dari kekerasan suami tanpa tindakan perceraian.

MENGANIAYA ANAK

Pada zaman dahulu, kanak-kanak dianggap sebagai milik ibubapa dan hak mereka untuk mengabaikan dan menganiaya mereka jarang disoal. Malahan pada hari ini, asuhan cara kebudayaan membenarkan kekerasan yang tertentu terhadap kanak-kanak. Oleh kerana ibu-bapa diberi hak untuk merotan anak sebagai hukuman - di manakah undang-undang mengenakan garis di antara disiplin dan aniayaan?

Di sini perkataan 'kanak-kanak' mempunyai maksud yang diberi oleh s. 2(1) (b) Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947¹ yang menyatakan: 'Kanak-kanak' bermaksud seorang di bawah umur empat belas tahun.

Rangkaikata 'menganiaya anak' digunakan untuk meliputi:

- (a) kekerasan fizikal, seperti yang zahir secara lebam-lebam, patah tulang dan lain-lain kecederaan tubuh.
- (b) mengabaikan, yang membayangkan kegagalan untuk memelihara kesihatan dan keselamatan kanak-kanak.
- (c) meninggalkan dan mendedahkan.
- (d) perkosaan.

Perlindungan undang-undang dari aniayaan kanak-kanak boleh dibahagikan kepada dua aspek yang jelas (tetapi tidak semestinya berasingan)

- (a) Dakwaan pesalah.
- (b) Jagaan dan penyeliaan kanak-kanak yang dianiaya.

Dakwaan Pesalah

Dakwaan pesalah-pesalah boleh di bawa di bawah dua perundangan

¹ Akta 232 kepada 1947 (Disemak 1980).

yang berasingan:

- (a) Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947².
- (b) Kanun Kesiksaan.

Menurut S. 3(1) AK & CM, dua kategori orang yang mungkin bertanggungjawab adalah:

- (a) Mereka yang berumur di atas empat belas tetapi di bawah lapan belas tahun hanya bertanggungjawab bagi kesalahan terhadap seorang kanak-kanak yang di bawah simpanan, peliharaan atau jagaannya.
- (b) Orang di atas lapan belas tahun bertanggungjawab bagi apa-apa perbuatan yang dilakukan terhadap seorang kanak-kanak.

Menurut seksyen tersebut suatu kesalahan dilakukan apabila mana-mana kategori orang yang dirujuk di atas "dengan sengaja menyerang, memperlakukan dengan kejam, mengabaikan, meninggalkan atau mendedahkan seorang kanak-kanak ... atau menyebabkan atau mengusahakan kanak-kanak itu diserang, diperlakukan dengan kejam, diabaikan, ditinggalkan atau didedahkan, dengan cara yang mungkin akan menyebabkan kanak-kanak itu menanggung penderitaan atau kecederaan kepada kesihatannya yang keterlaluan ...".

Walaupun seksyen menetapkan lima jenis kesalahan menganiaya kanak-kanak mereka tidak semestinya berasingan dan mungkin berselisih.³

"Serangan"

Pada amnya suatu "serangan" dilakukan apabila ada kecemasan yang menasabah oleh pihak mangsa yang kekerasan fizikal akan dilakukan terhadapnya. Kekerasan sebenarnya tidak perlu - cuma kecemasan manasabah mengenai kekerasan tersebut adalah memadai.

²Kemudiannya dirujuk sebagai AO & KM.

³Rujuk kepada Reg. v. Hayles (1969) 1 Q.B. 364.

Walaupun demikian S. 3(1) telah mengubah maksud biasa perkataan "serangan" dengan keperluan yang serangan tersebut hendaklah,

"dengan cara yang mungkin akan menyebabkan kanak-kanak itu menanggung penderitaan atau kecederaan kepada kesihatannya yang keterlaluan."

Ketakutan yang disebabkan oleh kecemasan serangan tersebut hendaklah besar. Oleh kerana penilaian subjektif ini, ia bergantung kepada umur dan sifat kanak-kanak yang berkenaan, misalan kanak-kanak yang berumur bersifat lebih berani dari kanak-kanak yang kecil.

Memperlakukan dengan Kejam

Rangkaikata "memperlakukan dengan kejam" mungkin meliputi beberapa jenis kelakuan. Ia mungkin meliputi kekerasan secara fizikal serta perbuatan menganiayakan.

Di dalam kes Reg. v. Hayles⁴ mahkamah dihadapi dengan tafsiran S. 1 kepada Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, 1933. Anak pihak kenatuntut yang berumur tiga tahun terjatuh dan mengalami kecederaan. Pihak kenatuntut menidurkannya tanpa memperolehi apa-apa rawatan perubatan. Akibatnya, anak itu meninggal dunia. Mahkamah mengesahkan sabitan di atas kesalahan 'memperlakukan dengan kejam,' dan menyatakan yang perbuatan yang sama boleh disifatkan suatu "pengabaian" oleh kerana seksyen tidak mengwujudkan kesalahan-kesalahan yang berasingan.

"Pengabaian"

Kesalahan 'mengabaikan' telah diberi maksud yang tertentu oleh S. 3(1) AK & OM yang menyatakan seorang hendaklah:

"disifatkan telah mengabaikan seorang kanak-kanak jika ia dengan sengaja abai untuk menyiapkan makanan yang cukup atau pakaian atau rawatan perubatan atau tempat tinggal untuk kanak-kanak itu."

⁴Ibid.

Meninggalkan atau Mendedahkan

Kedua kesalahan ini boleh dibincangkan bersama oleh kerana 'meninggalkan' membayangkan perbuatan mendedahkan walaupun mendedahkan tidak semestinya membawa maksud 'meninggalkan'.

Apabila seorang anak ditinggalkan ia bermaksud anak itu telah dibuang sama sekali.⁵ Misalan kes-kes di mana anak dijumpai di dalam longkang atau di dalam tong. Perbuatan 'mendedahkan' hanya bermakna pendedahan kepada bahaya.

Seksyen 3(1) AK & OM memperuntukan yang barang siapa yang didapati salah terhadap mana-mana kesalahan di atas:

"hendaklah dipenjarakan untuk tempoh yang tidak melebihi dua tahun, atau melebihi \$5,000 ringgit atau kedua hukuman penjara dan denda."⁶

Dakwaan pesalah-pesalah juga boleh di bawa di bawah Kanun Kesiksaan - pada khususnya di bawah Bab XVI: Darihal Kesalahan mengenai Tubuh Manusia. Bagi tujuan kertas ini, hanya satu seksyen sahaja yang secara khususnya memperkatakan tentang 'penganiayaan anak' iaitu S. 317 yang menyatakan:

"Barang siapa, yang menjadi bapa atau ibu seorang kanak-kanak yang berumur kurang daripada dua belas tahun, atau yang bertanggungjawab menjaga kanak-kanak itu, mendedahkan atau meninggalkan kanak-kanak itu dengan niat hendak membuang kanak-kanak itu sama sekali, hendaklah disiksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai tujuh tahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya."

Walaubagaimanapun, oleh kerana Kanun ialah undang-undang umum, perbuatan aniaayaan fizikal boleh didakwa di bawah seksyen-seksyen yang boleh berbeza dari 'mencedera' dan 'membunuh'.⁷

⁵ R. v. Whibley (1938) 3 A.E.R. 22.

⁶ S. 2 Akta Kanak-kanak dan Orang Muda (Pindaan), 1981.

⁷ Rujuk kepada S. 299 - 338 Kanun Kesiksaan.

Perkosaan anak secara khusus tidak diperuntukan sama ada di bawah Ak. & OM atau Kanun Kesiksaan. Tetapi persetubuhan, lebih-lebih lagi di antara anak perempuan dan bapa bukanlah sesuatu yang sukar berlaku. Walaupun Kanun Kesiksaan tidak memperuntukan kesalahan ini, ia boleh didakwa sebagai rogol berkanun di bawah rangkai kelima S. 375 Kanun Kesiksaan yang menyatakan:

"Seorang lelaki adalah dikata melakukan rogol jika ia ... bersetubuh dengan seorang perempuan ... sama ada dengan kerelaannya atau tidak jika perempuan itu berumur kurang daripada empat belas tahun."

Pada amnya, kebanyakkan kes aninya kanak-kanak (kecuali perkosaan kanak-kanak) di dakwa di bawah AK & OM, melainkan jenis aninya itu terlalu serius sehingga mewajarkan hukuman-hukuman berat yang diperuntukan oleh Kanun Kesiksaan.

Jagaan dan Penyeliaan Kanak-kanak

Apabila seorang kanak-kanak di pukul dan dianiaya, apa yang mustahak adalah mungkin mengalihnya dari keluarga atau selain dari itu, meletakkan kanak-kanak itu dan ibu-bapa atau penjaganya di bawah penyeliaan.

Menurut S. 7(1) AK & OM jika kelihatan kepada Mahkamah Majistret, di atas maklumat atau aduan yang dibuat oleh sesiapa yang disebutkan dalam S. 32 Akta,⁸ yang ada terdapat sebab yang menasabah untuk mengesyaki yang seorang kanak-kanak telah atau sedang diserang, diperlakukan dengan kejam atau diabaikan atau adalah mangsa apa-apa kesalahan di bawah bahagian pertama Akta ini, Majistret boleh mengeluarkan waran memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis untuk mencari

⁸ Orang-orang yang disebut meliputi

- (a) Pelindung.
- (b) Pesuruhjaya.
- (c) Seorang Majistret.
- (d) Jaksa Pendamai.
- (e) Pegawai polis yang pangkatnya tidak kurang dari Inspector.
- (f) Sesiapa yang diberi kuasa untuk membuat aduan mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini.

kanak-kanak itu dan jika didapati mana-mana syarat di atas dipenuhi, dia boleh mengalih kanak itu ke tempat yang selamat sehingga ia boleh di bawa dihadapan mahkamah. Mahkamah seterusnya boleh menyerahnya kepada jagaan seorang saudara-mara atau seorang yang sesuai.

Di bawah S. 36 Akta Mahkamah Budak-budak, 1947⁹ seorang kanak-kanak boleh di tahan oleh pihak berkuasa awam jika ia didapati 'memerlukan jagaan dan perlindungan.' Kategori kanak-kanak tersebut adalah luas tetapi untuk tujuan kertas ini ia merujuk kepada seorang kanak-kanak yang:

"merupakan seorang terhadap siapa mana-mana kesalahan yang disebut di Bab XVI Kanun Kesiksaan atau apa-apa kesalahan yang dinyatakan dalam Bahagian II AK & CM dilakukan."

Di dalam hal ini mahkamah diberi kuasa untuk:

- (a) memerintah kanak-kanak itu di hantar ke mana-mana institusi atau rumah yang diluluskan oleh Menteri untuk tempoh tiga tahun dari tarikh perintah atau sehingga ia mencapai umur 18 tahun yang mana yang lebih lama.
- (b) menyerahnya kepada jagaan seorang yang sesuai (sama ada saudara-mara atau tidak) bagi tiga tahun atau sehingga ia mencapai umur 18 tahun, yang mana yang lebih lama.

Mungkin terdapat kes di mana pihak berkuasa ingin melindungi anak yang dianaya tetapi enggan untuk memisahnya dari keluarga kerana ini mungkin sesuatu pengalaman yang mengejutkan untuknya. Di dalam keadaan begini anak itu serta ibu-bapa atau penjaganya boleh diletakkan di bawah penyeliaan mahkamah atau pengawal akhlak.

Ini juga diperuntukan oleh S. 36(1) Akta Mahkamah Budak-budak, 1947 di mana mahkamah diberi kuasa:

⁹ Akta No. 38 kepada 1947.

- (a) untuk memerintah ibu-bapa atau penjaga untuk memasuki jaminan melakukan jagaan dan pemeliharaan yang sempurna untuk tempoh tiga tahun atau sehingga ia 18 tahun.
- (b) Sebagai tambahan kepada mana-mana yang di atas, atau selain darinya serahkan kanak-kanak itu di bawah penyeliaan pegawai akhlak atau seorang lain yang dilantik oleh mahkamah.

Pembicaraan bagi jagaan dan penyeliaan kanak-kanak yang dianaya bertujuan untuk menentukan sama ada atau tidak kanak-kanak itu patut diletakkan di bawah jagaan. Oleh itu peruntukan S. 36(1) Akta Mahkamah Budak-budak mungkin dipakai tanpa mengenakan apa-apa denda atau hukuman ke atas ibu-bapa atau penjaga. Walaubagaimanapun, pesalah-pesalah boleh bertanggungan di bawah S. 3(1) AK & OM atau Kanun Kesiksaan.

Penutup

Kekerasan membiak kekerasan. Penyelidikan telah menunjukkan yang anak yang dianaya besar kemungkinannya akan menjadi ibu-bapa yang menganiaya anak.¹⁰ Oleh itu adalah menjadi sesuatu yang amat penting untuk menghentikan kekerasan ini. Untuk mencapai matlamat ini kita semua mesti memainkan peranan. Undang-undang dan mahkamah hanya boleh memainkan peranan yang sederhana di dalam usaha untuk melindungi kanak-kanak.

Undang-undang dan sistem keadilan jenayah dibentuk di atas prinsip yang pengaduan akan dibuat apabila berlaku sesuatu pelanggaran. Kebanyakan orang memanggil polis apabila mereka perhatikan rompakan

¹⁰ Steele, B.F. dan Pollock C.B. (1968)

'A Psychiatric Study of Parents Who Abuse Infants and Small Children' in 'The Battered Child, Chicago, University of Chicago Press.

Gibbens, T.C.N. dan Walker, A (1956) Cruel Parents, London, Institute for the Study of Delinquency.

Fontana, V.J. (1968) 'Further Reflections on Maltreatment of Children, 'N.Y. St. J. Med. 68, 2214 - 2215.

atau pergaduhan atau seorang dewasa dipukul. Tetapi jarang sekali mereka membuat aduan apabila seorang kanak-kanak dianiaya ibu-bapanya. Dan mangsa-mangsa kanak-kanak yang kecil tidak berdaya membuat aduan sendiri.

Walaupun tidak ada kewajipan undang-undang untuk mengadu penganiayaan anak, tetapi adalah menjadi kewajipan sosial dan moral bagi kita membuat aduan sekiranya kita mengesyaki penganiayaan anak. Itu adalah kewajipan kita terhadap kanak-kanak yang tidak berdaya dan teraniaya.